

## PERLAKSANAAN *IHYA'* RAMADAN : SATU KAJIAN DI KOTA BHARU

Oleh : Lokmal Hakim bin Che Hassan\*

### Abstrak

*Artikel ini merupakan suatu kajian mengenai ihya' Ramadan khususnya melalui solat tarawih di sekitar jajahan Kota Bharu, Kelantan. Penekanannya tertumpu kepada peranan pihak kerajaan terutamanya Kerajaan negeri Kelantan mengenai pelaksanaannya dan pengamalan ibadat-ibadat di bulan Ramadan.*

*This article is a research about ihya' Ramadan (revival of the spirit of Ramadan) being hold around Kota Bharu districts, Kelantan. It focuses on the governments' role specifically the Kelantan state government concerning the implementation and practices of ibadah during Ramadan.*

*هذا المقال يتعرض بذكر برنامج "إحياء رمضان" فيما يخص صلاة التراويح التي أقيمت في محافظة كوتسبهارو كلنتان مع التركيز على دور حكومة ولاية كلنتان في إقامتها وإحياء هذا الشهر بأنواع أخرى من العبادات.*

### Pendahuluan

Berpuasa dalam bulan Ramadan adalah salah satu rukun Islam dan menjadi kewajipan setiap muslim melaksanakan dan *mengihya'kannya*. Dalam melaksanakan penghayatan di bulan Ramadan, kerajaan negeri Kelantan telah memainkan peranan yang penting tetapi peranannya diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK), Yayasan Islam Kelantan (YIK), Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Maahad Tahfiz Al-Quran Pulau Chondong (MTAQ), Pusat Penerangan Pelancongan Negeri (TIC) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).<sup>1</sup>

---

\* Pensyarah di Jabatan Syariah KIAS

Jadi, penulisan dalam bab ini cuba melihat sejauhmana pelaksanaan *ihya'* Ramadan di jajahan Kota Bharu. Sebelum itu, diperkenalkan fungsi atau peranan setiap jabatan yang bekerjasama dalam pelaksanaan *ihya'* Ramadan.

## 1. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)

### Pengenalan

Kelantan merupakan sebuah negeri yang pertama menubuhkan Majlis Agama Dan Adat Istiadat Melayu yang dikenali dengan nama Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan atau ringkasnya MAIK pada 26 Disember 1915. Ia merupakan sebuah badan yang tertinggi dalam hal ehwal agama Islam di peringkat negeri, di mana ia berfungsi untuk membantu Ke-Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat orang-orang Melayu.<sup>2</sup>

Sungguhpun begitu pihak MAIK mempunyai peranannya yang tersendiri dalam menjayakan *ihya'* Ramadan di negeri Kelantan. Menurut imam masjid negeri (Masjid Muhammadi), di antara aktiviti yang dijalankan oleh MAIK ialah:-<sup>3</sup>

#### (a) Publisiti Syiar Ramadan

Dalam menjayakan program *ihya'* Ramadan di negeri Kelantan, khususnya di jajahan Kota Bharu, pihak MAIK melaksanakannya dalam berbagai bentuk dan cara, antaranya ialah dengan membuat sepanduk. Sepanduk-sepanduk ini diletakkan di tempat-tempat awam, di mana ia ditulis dengan menggunakan tulisan jawi bagi mencerminkan ciri-ciri keislaman dalam pelbagai tema dan aneka corak serta warna bagi menarik perhatian orang ramai sempena menyambut Ramadan yang mulia.

Selain daripada sepanduk, pihak MAIK juga telah menggunakan pintu-pintu gerbang yang sedia ada di jalan keluar masuk ke pejabat-pejabat dan tempat-tempat strategik seperti di simpang-simpang dan jalan-jalan utama bagi menarik perhatian orang ramai dalam rangka menghayati Ramadan *al-Mubarak*.

Di pintu-pintu gerbang ini dicorakkan dengan aneka perhiasan serta diserikan lagi dengan kain rentang yang ditulis indah dengan berbagai tulisan, ukuran dan saiznya.

Tidak hanya sampai di situ sahaja, masjid-masjid juga tidak ketinggalan dalam memainkan peranannya bagi menghidupkan bulan Ramadan, di mana pihak MAIK mengesyorkan agar setiap masjid bandar dan masjid mukim memasang lampu menara dan lampu pagar masjid di sepanjang malam bulan Ramadan. Sinaran cahaya lampu yang aneka warna dan bentuk akan menambahkan lagi keindahan suasana Ramadan. Selain itu, pihak MAIK juga menghantar surat pekeliling kepada para imam supaya mempertingkatkan lagi kebersihan masjid di bulan Ramadan terutamanya kebersihan bilik air.

Demikian antara peranan pihak MAIK dalam menjayakan *ihya'* Ramadan di Kota Bharu dari segi publisiti syiar Ramadan.

### **(b) Aktiviti Penerbitan**

Melalui penerbitan, pihak MAIK mencetak dan mengedarkan pelbagai jenis bahan bacaan dalam pelbagai saiz, tebal dan warnanya seperti buku-buku kecil dan risalah-risalah dalam menjayakan *ihya'* Ramadan, yang mana ia diberi secara percuma kepada orang ramai. Ini termasuklah risalah yang menyentuh tentang kelebihan-kelebihan bulan Ramadan, panduan puasa, panduan qiamullail, mencetak waktu imsak dan lain-lain. Pengedaran ini dibuat melalui imam-imam untuk diedar di masjid-masjid dan di tempat-tempat awam.

### **(c) Aktiviti Ilmiah**

Seminar atau kursus dianjurkan kepada imam-imam solat tarawih sebelum menjelangnya bulan Ramadan. Ia bertujuan untuk memberi kefahaman dan penerangan kepada mereka supaya memakmurkan masjid, agar para jemaah sentiasa ramai dari awal Ramadan hingga akhirnya.

Pihak MAIK memberi kelonggaran kepada para imam dalam menentukan rakaat, bacaan dan apa-apa perkara yang berkaitan dengannya agar para jemaah sentiasa ramai.

Selain itu, pihak MAIK menganjur forum ilmiah Ramadan setiap hari Sabtu sepanjang bulan Ramadan di Balai Islam. Jemputan dibuat secara menyeluruh ke semua lapisan masyarakat, termasuk para pegawai dan kakitangan kerajaan, imam, penghulu dan lain-lain. Begitu juga kuliah agama diadakan selepas solat asar dan subuh di Masjid Muhammadi dalam bentuk tazkirah dan pengamatan ayat al-Quran atau matan Hadis tentang kelebihan ibadat di dalam bulan Ramadan.

#### **(d) Aktiviti Kebajikan**

Dalam soal kebajikan, pihak MAIK memberi mandat kepada para imam masjid untuk mengadakan tabung sedekah pada bulan Ramadan yang diberi nama "Tabung *Ihya'* Ramadan". Tabung ini bertujuan untuk membiayai perbelanjaan sepanjang bulan Ramadan termasuklah majlis berbuka puasa, iktikaf 10 akhir Ramadan, bersahur dan lain-lain sebagaimana yang diadakan di Masjid Muhammadi. Masjid ini dipilih kerana ia menjadi tumpuan dan tarikan para pelancong Islam baik dalam negeri mahupun luar negeri untuk datang ke bandar Kota Bharu, sesuai pula masjid ini mempunyai sejarahnya tersendiri.

Selain daripada tabung ini, pihak MAIK juga menggunakan sedikit sebanyak wang zakat untuk disumbangkan kepada pelbagai lapisan masyarakat terutamanya kepada :

- 1) Penghuni (anak yatim) di Darul Aitam Putera dan Puteri.
- 2) Penghuni Rumah Kebajikan Orang Tua di Pengkalan Chepa.
- 3) Banduan Islam di Penjara Pengkalan Chepa (bekalan kurma sahaja).
- 4) Penghuni Pusat Serenti yang beragama Islam di Pengkalan Chepa (bekalan kurma sahaja).

#### **(e) Aktiviti Penguatkuasaan**

Dalam hal penguatkuasaan, pihak MAIK juga mengadakan operasi menangkap mereka yang tidak berpuasa pada bulan Ramadan. Penangkapan ini dibuat dengan kerjasama pihak polis dan orang ramai. Selain itu, para pengemis di sekitar Kota Bharu juga ditangkap dan di tempatkan di kawasan yang khusus sepanjang bulan Ramadan. Segala perbelanjaan makan minum di bulan tersebut dibiayai oleh MAIK. Mereka juga diberi wang sagu hati sebanyak RM 50 bagi setiap orang sempena hari raya. Misalnya pada tahun 1998 seramai 80 orang pengemis ditangkap dan mereka di tempatkan di Pusat Belia, Pengkalan Chepa.<sup>4</sup>

Selaras dengan itu, pihak MAIK bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) mengeluarkan peraturan kepada penjual tertentu agar tidak menjual semua jenis lauk pauk yang telah dimasak sebelum pukul 3 petang.

Namun demikian, ada juga sesetengah peniaga melakukan jual beli sebelum pukul 3 petang kerana arahan tersebut kurang diberi penekanan seperti tindakan, denda dan sebagainya.

## 2. Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB)

### Pengenalan

Selepas kemerdekaan, Kota Bharu merupakan ibu negeri Kelantan terus berkembang seiring dengan negeri-negeri lain, yang mana perkembangan ini menimbulkan pelbagai masalah perbandaran yang memerlukan kepada pengurusan bandar yang lebih teratur dan berwawasan.

Menyedari hal ini, Lembaga Bandaran Kota Bharu disusun semula dan dinaikkan taraf kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) melalui Warta Kerajaan Negeri P.U.15 pada Julai, 1978. Di antara fungsi Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) adalah :<sup>3</sup>

1. Merancang, melaksana dan melengkapkan kemudahan infrastruktur seperti jalan, perparitan dan lampu-lampu jalan.
2. Melaksanakan kerja-kerja kebersihan dan keindahan.
3. Merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan berbentuk ekonomi dan sosial.
4. Merancang dan mengawal pertumbuhan bandar dari aspek kawalan pembangunan, lalu lintas dan alam sekitar.
5. Menambah kewangan Majlis dan sumber punca hasil utama seperti cukai bandar, lesen perniagaan, bayaran letak kereta dan lain-lain.

Sesuai dengan visi Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) iaitu “ Ke Arah Mewujudkan Sebuah Bandaraya Islam Yang Berdikari Dan Sempurna”, di samping bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), pihak MPKB juga memainkan peranan yang besar dalam melaksanakan *ihya'* Ramadan.

Menurut Ketua Bahagian Pembangunan Islam, sepanjang bulan Ramadan beberapa aktiviti dijalankan atau diadakan oleh MPKB sempena menyambut bulan Ramadan yang berkonsepkan ke arah kemuliaan. Di antara aktiviti yang di jalankan oleh MPKB sepanjang bulan Ramadan ialah aktiviti kebajikan, program di Dataran MPKB, aktiviti pengiklanan dan aktiviti penguatkuasaan.<sup>6</sup>

### (a) Aktiviti Kebajikan

Lebih terperinci lagi pihak MPKB mengadakan aktiviti kebajikan iaitu membuka kaunter untuk berbuka puasa bagi menarik minat para pelancong datang ke bandar Kota Bharu. Pihak MPKB menyajikan pelbagai jenis juadah berbuka puasa yang berupa kuih-muih dan buah kurma sebagai alas perut kepada pengunjung-pengunjung yang datang ke bandar Kota Bharu. Juadah berbuka puasa yang disajikan ini bukanlah semuanya dari sumber kewangan MPKB, bahkan agensi tidak berkanun dan orang perseorangan juga turut terlibat sama dalam memberi *sponsor* semata-mata mengambil fadilat bersedekah di bulan yang mulia ini.

Secara positifnya, pembukaan kaunter ini menarik minat ramai pelancong untuk datang membeli belah dan bersolat tarawih di tempat terbuka ini (Dataran MPKB). Ini bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan bulan Ramadan sebagai "Bulan Melawat Kelantan". Asas yang kukuh bagi mewujudkan dan merealisasikan penghayatan bulan Ramadan ini, pihak MPKB telah menyediakan khemah-khemah di tempat awam seperti di Dataran MPKB untuk tujuan berbuka puasa.

Bagi melancarkan proses *ihya'* Ramadan, pihak MPKB mengenal pasti beberapa tempat untuk perjumpaan di antara golongan orang kaya dengan orang miskin untuk tujuan sumbangan zakat. Secara tidak langsung, perancangan untuk mencapai objektif yang utama iaitu mengeratkan tali persaudaraan sesama muslim akan tercapai. Dengan lebih formalnya sikap tolong-menolong bagi setiap golongan kaya dapat disemai dengan utuh demi mendapat rahmat dari Ilahi.

Sikap golongan kaya yang suka tolong menolong ini, tidak melahirkan perasaan dukacita dan rendah diri di hati orang-orang miskin. Antara tempat perjumpaan mereka yang dikenal pasti ialah Taman Orkid, Pusat Perlindungan PERKIM dan lain-lain. Ini sesuai dengan peranan MPKB sebagai penggembleng tenaga utama bagi memperhebatkan lagi *ihya'* Ramadan. Pada bulan ini, pihak MPKB berhasrat memberi pakaian berupa "Baju Melayu" kepada pemandu-pemandu teksi roda tiga untuk tahun berikutnya sebagaimana yang dilakukan pada tahun 1996. Secara tidak langsung ia dapat memperkenalkan identiti Masyarakat Melayu Muslim kepada para pelancong asing khususnya untuk menarik minat mereka datang ke negeri Kelantan.

### **(b) Program Di Dataran MPKB**

Pihak MPKB telah mengadakan program di Dataran MPKB dengan membuat persiapan tempat solat tarawih di tempat terbuka dan tempat awam dengan memasang khemah, menghampar tikar dan penggunaan alat siaraya. Ini menarik minat orang ramai menunaikan solat tarawih beramai-ramai dan dengan lebih sempurna. Setakat ini hanya di Dataran MPKB sahaja diadakan solat tarawih sebagai *sampel*. Akan tetapi segala persiapan program ini akan diperluaskan dengan lebih terurus dan merata di tempat-tempat lain. Hal ini telah dirunding dengan pihak MAIK supaya ia dapat berjalan dengan lebih lancar dan sempurna.

### **(c) Pengiklanan Dan Hebahan**

Aktiviti pengiklanan dan hebahan dijalankan oleh MPKB dengan giatnya. Antaranya penggunaan "P.A System" diperkenalkan bagi mempromosi program bulan Ramadan di jalan-jalan utama dan bandar Kota Bharu untuk memperhebatkan lagi penghayatan bulan Ramadan. Objektif pengiklanan ini sebagai pendedahan elemen penghayatan Ramadan khususnya kepada seluruh masyarakat. Begitu juga pihak MPKB memastikan jalan-jalan utama di dalam bandar Kota Bharu diletakkan sepanduk dalam pelbagai tema sempena bulan Ramadan. Secara proaktif, ia adalah bertujuan bagi menarik minat dan perhatian masyarakat untuk menghayati bulan Ramadan.

### **(d) Aktiviti Penguatkuasaan**

Pihak MPKB telah membuat suatu aktiviti penguatkuasaan bagi memperhebatkan lagi penghayatan bulan Ramadan ini antaranya ialah memastikan setiap kedai, restoran dan pasar raya di sekitar Dataran MPKB memutar lagu-lagu nasyid, ceramah-ceramah agama dan ayat-ayat suci al-Quran.

Segala aktiviti yang dilakukan adalah bertujuan untuk menghangatkan lagi kemeriahan bulan Ramadan kepada masyarakat. Begitu juga tindakan untuk memperlahankan semua bentuk bunyi termasuklah lagu-lagu dan muzik-muzik bagi setiap kedai dan pasar raya sebagai tanda penghormatan kepada bulan Ramadan dan tidak mengganggu orang ramai untuk solat tarawih.

Aktiviti penguatkuasaan oleh MPKB terhadap program yang diadakan di dalam bulan Ramadan ini dapat dilihat dari segi kemeriahan dan menjadi satu representasi keselamatan perpaduan ummah di sepanjang bulan Ramadan supaya dapat berjalan lancar dan sistemetik demi mengejar "seribu kejayaan dan ganjaran pahala" dari Allah S.W.T.

### 3. Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong (MTAQ)

#### Pengenalan

Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong (MTAQ) merupakan satu-satunya sekolah menengah Agama / Arab berasrama penuh yang menggabungkan tiga kurikulum iaitu Akedemi, Bahasa Arab dan al-Quran / Qiraat. Ia di bawah kelolaan pentadbiran Yayasan Islam Kelantan (YIK). Cadangan penubuhannya adalah dari hasil idea YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan.<sup>7</sup>

Objektif penubuhan Maahad Tahfiz Al-Quran Pulai Chondong (MTAQ) ialah melahirkan generasi al-Quran yang profesional dalam semua bidang ilmu. Ini bertepatan dengan sistem pembelajarannya yang menggabungkan ketiga-tiga kurikulum. Di samping itu ia dapat melahirkan ulama hafiz yang memahami isi kandungan al-Quran, berakhlak mulia dan bertakwa kepada Allah.<sup>8</sup>

MTAQ juga memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan *ihya'* Ramadan. Menurut guru kanan al-Quran di MTAQ Ustaz Nazaruddin bin Jalaluddin, berbagai aktiviti telah dijalankan oleh MTAQ sempena penghayatan Ramadan antaranya:<sup>9</sup>

#### (a) Sebagai Imam Solat Tarawih<sup>10</sup>

Menjadi imam solat tarawih merupakan suatu yang mencabar kredibiliti seseorang pelajar yang terpilih. Pihak MTAQ diberi mandat oleh kerajaan negeri Kelantan untuk melantik para pelajar di sini sebagai imam solat tarawih di seluruh jajahan di Kelantan. Pelaksanaan ini bermula dari tahun penubuhannya yang bertempat di Nilam Puri pada tahun 1992 yang mana pelajarinya pada ketika itu seramai 30 orang. Kemudian pada tahun 1993 ia berpindah ke Pulai Chondong dengan pertambahan pelajar 30 orang setiap tahun hinggalah sekarang.

Kemudahan penghantaran para pelajar diurus oleh Jabatan Setiausaha Kerajaan Negeri dengan menyediakan dua buah bas. Penghantaran pelajar-pelajar ini dibuat mengikut jadual yang dibincangkan di antara pihak MTAQ dengan pihak Pejabat Tanah dan Jajahan masing-masing. Peruntukkan satu hari untuk para pelajar bersama ahli jemaah di sesebuah jajahan sepanjang bulan Ramadan adalah dikira memadai, memandangkan mereka masih belajar dan tinggal di asrama. Penghantaran mereka ditemani oleh seorang guru untuk mengurus tempat yang sepatutnya mereka menjadi imam tarawih di sesebuah jajahan. Bilangan rakaat dalam solat tarawih dan teks ceramah



ditentukan oleh pihak sekolah kerana mereka akan kembali ke Maahad pada malam yang sama untuk mengikuti persekolahan keesokan harinya. Para pelajar yang dihantar bermula dari tahun pertama hingga tahun ketujuh. Bacaan surah yang dibaca mengikut tahap hafalan mereka masing-masing.

Bermula tahun 1998, MTAQ telah dikenali umum dan mendapat sambutan dari luar negeri Kelantan seperti Masjid Universiti Putra Malaysia, Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia, Masjid an-Nur di Bangi dan lain-lain.

#### **(b) Aktiviti Sosial Bersama Penduduk Sekitar**

Pihak MTAQ juga mengadakan aktiviti sosial bersama penduduk sekitar bagi mengeratkan tali persaudaraan antara sesama mereka. Bagi para pelajar yang tidak terpilih menjadi imam solat tarawih diperingkat jajahan, mereka didedahkan dengan khidmat sosial bersama penduduk sekitarnya sepanjang bulan Ramadan. Mereka dijemput untuk menghadari majlis berbuka puasa bersama penduduk tempatan dan beramah mesra. Penduduk di sekitar Pulau Chondong lebih suka menjemput para pelajar hafiz untuk majlis khatam al-Quran, sembahyang hajat, sembahyang jenazah dan lain-lain.

#### **(c) Jemputan Di Majlis Rasmi**

Pelajar MTAQ sering kali diundang untuk majlis bacaan ayat suci al-Quran sama ada yang diuruskan di peringkat kerajaan negeri atau pihak istana terutamanya pada bulan Ramadan. Mereka menjadi perhatian kerana kehebatan mereka memperdengarkan ayat suci al-Quran dari segi bacaan dan hafalan. Ada juga di antara pelajar MTAQ pernah menjadi johan diperingkat negeri dan naib johan diperingkat kebangsaan pada tahun 1996.

#### **(d) Penyerahan Zakat Kepada Pelajar Tahfiz Di MTAQ.**

Para pelajar menerima sumbangan zakat daripada golongan kaya pada setiap kali bulan Ramadan yang mana dapatlah mereka menampung perbelanjaan persekolahan dan meringankan beban mereka. Menurut Ahmad Ridza B. Abdul Rahman,<sup>11</sup> salah seorang pelajar tahun akhir di MTAQ bahawa kebanyakan para pelajar yang menjadi imam solat tarawih mendapat sumbangan wang zakat daripada orang perseorangan. Ada juga wang tersebut diberi kepada pihak sekolah kemudian diagihkan kepada pelajar dengan sama rata.

Langkah MTAQ menghidupkan penghayatan bulan Ramadan merupakan suatu usaha yang patut dipuji dan dilaksanakan dengan berterusan pada setiap tahun.

#### **4. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK)**

##### **Pengenalan**

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK) ditubuhkan pada tahun 1979, ia merupakan Jabatan Agama Islam yang terakhir ditubuhkan di Semenanjung Malaysia. Sebelum penubuhannya, semua urusan agama di peringkat negeri terletak dibawah bidang kuasa Majlis Agama Islam. Jadi penubuhan jabatan ini adalah untuk meringankan tanggungjawab Majlis Agama Islam Kelantan dalam kawalan kuasa undang-undang dan pentadbiran.<sup>12</sup>

JHEAIK di ketuai oleh seorang pengarah yang dibantu oleh beberapa orang pegawai dan sekumpulan kakitangan. Walaupun Jabatan Agama Islam Kelantan (JHEAIK) dan Majlis Agama mempunyai tugas yang sama iaitu perkara-perkara agama akan tetapi senarai tugas kedua-duanya diasingkan supaya tidak bertembung.

Tugas utama jabatan ini ialah menjadi urusetia kerajaan negeri dalam bidang keagamaan serta bertanggungjawab melaksanakan keputusan kerajaan tentang hal ehwal keagamaan. Pentadbirannya dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pentadbiran dan kewangan, dakwah dan penyelidikan dan seterusnya penguatkuasaan dan pendakwaan. Setiap bahagian di ketuai oleh seorang pegawai.<sup>13</sup>

Unit yang bertanggungjawab dalam menguruskan penghayatan Ramadan ialah Badan Dakwah Halaqat. Ia bertindak dalam melaksana keputusan kerajaan dalam aktiviti penghayatan Ramadan dengan kerjasama pihak lain. Antara aktiviti yang dijalankannya ialah:-<sup>14</sup>

##### **(a) Penyelarasan Mesyuarat Peringatan Penghayatan Ramadan**

Badan Dakwah Halaqat telah mengambil inisiatif dengan memanggil semua pihak yang bertanggungjawab dalam penghayatan Ramadan untuk membuat perbincangan dalam usaha memeriahkan lagi bulan yang penuh dengan keberkatan dan kenikmatan ini. Satu organisasi dalam pengurusan hal ini telah ditubuhkan, yang mana setiap bahagian mempunyai peranan yang berbeza. Segala gerak kerja telah diselaraskan dengan sebaik mungkin untuk mengelakkan daripada bertembung. Ini dilakukan untuk memudahkan kerja-kerja dijalankan.

### **(b) Atur Cara Peringkat Jajahan**

JHEAIK telah bekerjasama dengan pejabat-pejabat daerah dalam usaha menarik minat masyarakat di daerah masing-masing dalam penghayatan bulan Ramadan agar mereka memanfaatkan bulan ini dengan melakukan amal makruf dan menghindar dari melakukan maksiat.

Antara aktiviti yang perlu disemai kepada mereka seperti mengisi waktu malam dengan solat sunat tarawih, qiamullail dan tadarus al-Quran secara berjemaah. Pihak JHEAIK juga menghantar sepanduk ke semua jajahan dalam pelbagai tema untuk direntangkan di tempat-tempat awam di daerah masing-masing. Ini adalah untuk menyedarkan rakyat tentang kebesaran bulan Ramadan dan faedah-faedah yang boleh didapati di bulan yang mulia ini.

Selain itu, pihak JHEAIK bertanggungjawab untuk meminta jadual tadarus al-Quran daripada setiap daerah dan kemudian menghantar buku-buku tersebut (tadarus al-Quran) untuk diselaraskan dari segi surah-surah yang patut dibaca, agar ada keseragaman di semua jajahan di Kelantan.

### **(c) Menerima Laporan Daripada Jajahan**

Berbagai program dicadangkan di semua peringkat jajahan di Kelantan, antaranya kuliah Ramadan, majlis berbuka puasa, qiamullail, kursus kepada imam-imam dan bilal-bilal, tadarus al-Quran dan lain-lain. Aktiviti ini menambahkan lagi pengukuhan *ihya'* Ramadan untuk dipertingkatkan lagi dari setahun ke setahun.

Begitu juga semua ketua jajahan masing-masing perlu memastikan setiap program berjalan dengan lancar dan laporan berkaitan dengannya akan dihantar kepada JHEAIK untuk direkod atau dibuat semakan. Jika terdapat kekurangan dan kelemahan pihaknya akan mengkaji dan mencari jalan supaya penghayatan Ramadan dapat berjalan dengan baik pada tahun berikutnya.

### **(d) Menerima Laporan Daripada Penyelia Agama**

Kebiasaannya pada bulan Ramadan ada segelintir masyarakat Islam masih lagi melakukan maksiat seperti tidak berpuasa malahan makan minum di muka umum. Perbuatan mereka ini seolah-olah mempersenda agama dan tidak menghormati masyarakat seagama yang berpuasa pada bulan Ramadan. Ada juga di kalangan para remaja melakukan perkara sumbang antara lelaki dan perempuan. Jadi pihak JHEAIK meminta setiap ketua

jajahan menyediakan kenderaan kepada pihak penyelia agama di daerah masing-masing dengan kerjasama pihak polis dalam membuat operasi sepanjang bulan Ramadan.

Selain dari pihak polis, penyelia agama juga diberi kuasa untuk menangkap sesiapa yang membuat maksiat dan tidak berpuasa serta melakukan perkara sumbang di tempat terbuka pada bulan Ramadan dan pada bulan yang lain kerana ia menyentuh maruah umat Islam.

## **5. Yayasan Islam Kelantan (YIK)**

### **Pengenalan**

Yayasan Islam Kelantan (YIK) ditubuhkan pada 1 Mac 1983, bertindak sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam bidang persekolahan agama di negeri Kelantan. Sebelum penubuhan YIK, ia di dahului oleh penubuhan Jabatan Sekolah-Sekolah Agama Kelantan (JASA) pada tahun 1976 dan Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK) pada tahun 1979. Namun JASA dan YPINK dimansuhkan dan diganti dengan YIK (Yayasan Islam Kelantan) hingga sekarang.<sup>15</sup>

Pihak YIK menjalankan aktiviti berteraskan elemen penghayatan dan kelebihan bulan Ramadan. Kebanyakan aktiviti yang dijalankan adalah khusus untuk kakitangannya dan sekolah-sekolah Agama di bawahnya. Sebab utama pihak YIK mengurus program-program pada bulan Ramadan agar ia bersistematik dan menjurus ke arah pendedahan kelebihan dan keistimewaan bulan Ramadan. Harapannya semoga kakitangan YIK dan para pelajar di bawah kelolaannya sentiasa dalam keadaan baik dan berakhlak mulia.

Antara program yang dijalankan sebagaimana yang dijelaskan oleh Pegawai Yayasan Islam Kelantan (YIK) ialah:-<sup>16</sup>

#### **(a) Ceramah Ramadan**

Bagi memperhebatkan pelaksanaan penghayatan Ramadan, pihak YIK memberi mandat kepada para pengetua sekolah-sekolah di bawah kelolaannya supaya menganjurkan ceramah Ramadan kepada pelajar-pelajarnya. Anjuran ceramah Ramadan ini merupakan mercu ke arah kecemerlangan dunia dan akhirat.

YIK memberi kelonggaran kepada pihak sekolah untuk menentukan para penceramah sama ada orang luar atau guru-guru yang bertugas di sekolah berkenaan. Topik-topik yang diutarakan oleh para penceramah mestilah berkisar dalam aspek kelebihan bulan Ramadan dan ke arah membentuk sahsiah pelajar serta membangkit kesedaran mereka.

Sekiranya penceramah sukar didapati, pihak YIK membekalkan kakitangannya dan guru-guru yang berkecualan. Ini untuk mempercepatkan lagi program di setiap sekolah-sekolah. Dengan kerjasama ini, dapat mengeratkan lagi hubungan antara pihak pentadbiran sekolah dengan YIK dalam memeriahkan suasana bulan Ramadan.

### **(b) Aktiviti Penerbitan**

Selain daripada ceramah, YIK mengeluarkan dan mengedarkan berbagai risalah dalam bentuk lembaran atau lipatan tentang kelebihan bulan Ramadan di sekolah-sekolah di bawah kelolaannya dan ia ditempatkan di pusat sumber di sekolah masing-masing untuk tatapan semua pelajar. YIK juga memberi mandat kepada pihak sekolah untuk menampal dan mengedarkan poster-poster yang berkaitan dengan bulan Ramadan.

### **(c) Aktiviti Kebajikan**

Semua sekolah di bawah pentadbiran YIK adalah sekolah-sekolah agama yang terdiri daripada guru-guru yang beragama Islam dan mempunyai kelayakan dalam bidang keagamaan. Pihak YIK mengenal pasti guru-guru di bawah kelolaannya untuk dijadikan imam-imam di surau dan madrasah di negeri Kelantan jika perlu. Boleh dikatakan seluruh jajahan mempunyai sekolah Agama yang terdiri daripada guru-guru tempatan yang berkecualan. Jadi tidak timbul masalah tentang ketiadaan imam solat tarawih di masjid, madrasah dan balaisah.

Kebiasaannya, setiap kali Ramadan kebanyakan usahawan dan hartawan sama ada luar atau dalam negeri memberi zakat perniagaan mereka kepada YIK untuk diagihkan kepada para pelajar yang miskin. Mereka terdiri daripada golongan yang pro agama dan semangat bersedekah dalam jiwa mereka. Mereka sedar dan yakin tentang apa yang disabdakan oleh Rasulullah bahawa sedekah itu tidaklah mengurangkan harta mereka, sebaliknya akan bertambah banyak. Walaupun pada zahirnya harta akan berkurangan apabila dibelanjakan, tetapi ia sebenarnya bertambah melalui gandaan pahala atau pintu-pintu rezeki terbuka luas untuk mereka.

Rasulullah pernah bersabda tentang amalan bersedekah melalui hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

" ما نقصت صدقة من مال وما زاد الله عبدا بعفو إلا عزا وما تواضع أحد لله إلا رفعه الله "

Maksudnya:

*Sedekah itu tidaklah mengurangkan harta, Allah tidak menambatkan kepada hambaNya dengan sebab sifat pemaaf melainkan dengan kemuliaan. Seseorang itu tidak bersifat tawadu' kerana Allah melainkan Allah akan mengangkat (kedudukannya).<sup>17</sup>*

## 6. Pusat Penerangan Pelancongan Negeri (TIC) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

### Pengenalan

Pusat Penerangan Pelancongan Negeri (TIC) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) adalah dua buah badan yang merancang untuk menarik minat para pelancong untuk datang ke Kelantan khususnya pada bulan Ramadan agar mereka dapat melihat pengamalan ajaran Islam sebagai ad-Din yang ditonjolkan oleh Kerajaan Negeri selaras dengan jolokan yang diberikan kepada negeri ini sebagai "Negeri Serambi Mekah".

Idea "Melawat Kelantan Di Bulan Ramadan" adalah ilham YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan semasa beliau berucap di Pasar Buluh Kubu (sekarang dikenali sebagai Pasar Siti Khadijah). Maka UPEN membuat "kertas projek" sebagai panduan untuk menjayakan program "Melawat Kelantan Di Bulan Ramadan".<sup>18</sup>

Sebenarnya, idea "Melawat Kelantan Di Bulan Ramadan" merupakan serampang dua mata kerana bukan sahaja menarik minat pelancong datang ke Kelantan, malah menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri untuk mewujudkan suasana yang Islamik yang penuh harmoni ke arah melahirkan generasi yang benar-benar berwibawa dalam menghayati dan memperjuangkan Islam yang *syumul*.<sup>19</sup>

Menurut Pengurus Pelancongan Negeri Kelantan, En. Sulaiman bin Hj. Ismail, antara program yang dilancarkan oleh UPEN dengan kerjasama TIC serta badan berkanun yang lain, bukan sahaja menarik minat para pelancong

di negeri ini akan tetapi menjelmakan suasana puasa yang kini kian terhakis. Di antara aktiviti yang dirancang ialah:<sup>20</sup>

#### **(a) Aktiviti Di Masjid**

Persepakatan antara UPEN dengan kerjasama TIC serta badan berkanun yang lain bersetuju mempersiapkan di setiap daerah sebuah masjid (masjid utama jajahan terutamanya) dengan pelbagai kemudahan dan peralatan untuk mengadakan aktiviti di bulan Ramadan dengan syarat jumlah makmum melebihi 100 orang.

Masjid berkenaan sebagai “anak angkat” kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di daerah masing-masing sepanjang bulan Ramadan agar segala program berjalan dengan lancar di bawah pengawasannya dan diteruskan pada bulan-bulan yang lain jika perlu.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:-

- 1) Sembahyang Tarawih berjemaah.
- 2) Tadarus al-Quran secara beramai-ramai selepas solat zohor dan asar. Di mana buku tadarus al-Quran disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan di masjid, surau dan madrasah.
- 3) Qiamullail dilakukan pada setiap malam umumnya dan di malam 10 akhir Ramadan khususnya serta mengadakan sedikit tazkirah jika perlu.
- 4) Ceramah agama dijalankan di masjid tersebut di mana para penceramah pula di jemput dari luar jajahan berkenaan atau di kalangan penduduk tempatan yang berkebolehan.
- 5) Majlis khatam al-Quran juga dibuat di masjid tersebut sepanjang bulan Ramadan bagi kanak-kanak yang tamat mengaji al-Quran.
- 6) Majlis berbuka puasa juga dibuat hasil sumbangan orang ramai dan pihak kerajaan.

#### **(b) Aktiviti Di Pondok**

Kerajaan negeri berhasrat agar para pelancong lebih mengenali pondok-pondok di Kelantan. Justeru itu, pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan negeri antaranya ialah memperuntukkan RM 1 juta kepada Yayasan Pembangunan Pondok. Keperihatinan kerajaan negeri adalah untuk melihat suasana syiar Islam terus menyemarak ke seluruh jajahan. Pada tahun 1996, hanya Pondok Terusan, Pasir Tumbuh sahaja dipilih untuk menjayakan program ini. Sebab itulah pada tahun 1998, para pelancong datang ke Kelantan di luar jangkauan hingga mencecah 2.5 juta orang. Ini terbukti

dengan kebanyakan hotel dan rumah tumpangan di bulan Ramadan penuh setiap tahun bermula 1998 hingga sekarang.

Oleh kerana sambutan dari pelancong beragama Islam di dalam bulan Ramadan begitu rancak, maka kerajaan negeri meminta Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) mengadakan tiga buah atau lebih tempat penginapan di pondok berkenaan dengan menyediakan berbagai kemudahan dan pakej berpatutan sepanjang bulan Ramadan. Dalam penyediaan penginapan ini, pihak TIC perlu mendapat keizinan dari tuan punya tanah atau membeli pondok yang sedia ada untuk di baik pulih kemudian hari.

### **(c) Aktiviti Promosi Sepanjang Bulan Ramadan**

Di samping aktiviti yang berpusatkan masjid dan pondok, pihak pelancongan dengan kerjasama pihak berkuasa negeri juga mengadakan aktiviti lain, antaranya mengadakan kempen jualan harga yang berpatutan bagi semua peralatan dapur, makanan, pakaian dan lain-lain untuk menarik minat para pelancong datang ke Kelantan. Dalam pengertian lain diisytiharkan sebagai "karnival membeli belah di Kelantan".

### **(d) Aktiviti Publisiti Dan Hebahan**

Usaha yang terakhir yang dibuat oleh pihak agensi pelancongan untuk memastikan program yang dilaksanakan sampai kepada masyarakat luar ialah dengan mengadakan sidang akhbar yang dibuat oleh YB Pengerusi Jawatan Kuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk mempromosikan Program Melawat Kelantan Di Bulan Ramadan. Begitu juga membuat penerangan kepada penduduk Kelantan khususnya di Selatan Thai, Kawasan Pantai Timur melalui Radio 3 Kota Bharu (sekarang dikenali sebagai Radio Malaysia Kelantan).

Syarikat-syarikat kerajaan dan swasta seperti syarikat penerbangan, syarikat bas dan teksi jarak jauh menerima pengesyoran pihak TIC untuk mengadakan pakej yang istimewa kepada para pelancong di seluruh Malaysia, Brunei, Thailand dan Singapura sempena program melancong ke Kelantan di bulan Ramadan.

Sempena bulan yang mulia ini, pihak perhotelan juga menawarkan harga yang berpatutan baik dari segi sewaan bilik mahupun makanan dan minuman serta menghiasi hotel mereka dengan pelbagai hiasan seperti memasang lampu hiasan, memasang sepanduk dengan ungkapan penghayatan Ramadan dan lain-lain.



## Penutup

1. Badan-badan berkanun seperti Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK), Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan yang lainnya memainkan peranan penting dalam menjayakan program *ihya'* Ramadan sebagai wakil Kerajaan.
2. Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) begitu prihatin dalam menjaya *ihya'* Ramadan, segala program berjalan dengan lancar, bahkan pihak MAIK membuka lebih banyak kaunter zakat misalnya bersebelahan Masjid Bara'ah yang berhampiran dengan Pasar Besar Siti Khadijah bagi melincinkan pembayaran zakat di kalangan penduduk sekitar.

Selain itu peruntukan untuk aktiviti di Masjid Muhammadi ditingkatkan dari RM 25,000.00 pada tahun 1998 kepada 35,000.00 pada tahun 1999. Ini memandangkan sambutan dari pelancong luar dan dalam negeri.

3. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK) merupakan urusetia kerajaan negeri dalam mengurus pelaksanaan *ihya'* Ramadan diperingkat daerah, namun tidak semuanya berjalan dengan baik kerana masalah kewangan misalnya peruntukan untuk membuat sepanduk di setiap daerah terpaksa dikurangkan sejak akhir-akhir ini terutama sejak kegawatan ekonomi, lebih-lebih lagi peruntukan kerja lebih masa terutama dari segi penguatkuasaan, kebajikan dan sebagainya.
4. Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) merupakan badan berkanun yang penting dalam menjayakan penghayatan Ramadan, terutamanya di bandar Kota Bharu. Semuanya aktiviti berjalan dengan lancar dibantu oleh badan sukarelawan, contohnya kebanyakan juruhebah di Pasar Raya di sekitar bandar Kota Bharu membaca teks tazkirah tentang fadilah Ramadan sebelum azan berkumandang lebih kurang 5 – 10 minit.

Selain itu, bagi mereka yang berkesempatan beristirahat di sekitar Dataran MPKB dapat mendengar ceramah tentang kelebihan bulan Ramadan secara rakaman antara jam 11 hingga 12 tengahari. Demikian juga diletakkan pembesar suara di kawasan sekitarnya seperti di jalan Sultan Ibrahim, jalan Kebun Sultan, jalan Temenggung dan lain-lain. Bagi kakitangan MPKB pula, kuliah agama diadakan 2 kali seminggu.

5. Yayasan Islam Kelantan (YIK) pula bertindak sebagai pengelola untuk menyelaras segala program *ihya'* Ramadan di sekolah-sekolah di bawah

kelolaannya. Sepanjang temubual penulis dengan pegawainya, segala aktiviti berjalan dengan sempurna dengan kerjasama pihak pengetua-pengetua sekolah dan para guru.

Kebiasaannya, sesuatu program yang berkaitan dengan aktiviti ilmiah dan keagamaan adalah dianjurkan oleh Badan Dakwah Sekolah dengan sokongan pihak pentadbiran sekolah dan guru-guru.

6. Seterusnya Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) adalah merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk memperkemaskan dan memantapkan setiap program supaya berjalan dengan baik sesuai dengan keadaan, kerana ia secara tidak langsung diperlihatkan kepada para pelancong luar dan dalam negeri tentang gambaran dan kedudukan sebenar negeri “Serambi Mekah” yang menjalankan aktiviti keagamaan dengan secara sederhana dan sewajarnya.

Sungguhpun begitu, badan sukarelawan menyambut baik hasrat pihak TIC dan UPEN ini bagi merealisasikan setiap program-program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan dan badan berkanun yang lain. Misalnya pihak hotel memasang sepanduk-sepanduk yang berisikan kelebihan bulan Ramadan, potongan harga sewaan bilik, pakej berbuka dan bersahur.

7. Penyelarasan dilakukan oleh setiap badan dan pertubuhan sukarela supaya tidak bertembung bagi memudahkan lagi perjalanan program ini. Ia bukan sahaja di lakukan di bandar, tetapi juga di peringkat jajahan.
8. Bagi memeriahkan lagi suasana *ihya'* Ramadan, ia digerakkan di semua peringkat, seperti menugaskan beberapa pihak tertentu seperti dari pihak Pejabat Tanah dan Jajahan, penyelia agama, imam-imam, penghulu supaya bekerjasama di antara satu sama lain.

---

## NOTA Hujung

- <sup>1</sup> Sila lihat laporan taklimat "Peringatan Mesyuarat Penyelarasan Ramadan 1416H", bilik gerakan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, pada 24 Disember 1995, jam 10 pagi.
- <sup>2</sup> Nik Mohamed Bin Nik Mohd Salleh (1988), Warisan Kelantan VII, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, hlm. 60.
- <sup>3</sup> Sila lihat "Program Ihya' Ramadan" 1996, disediakan: Othman Bin Ibrahim, Pegawai Agama MAIK dan temu bual dengan Ustaz Ismail Saidina, Imam Besar Masjid Muhammadi, pada 12 September 1998, jam 10 pagi.
- <sup>4</sup> Lihat laporan "Operasi Pencegahan Pengemis Bermusim Di Bandar Kota Bharu Sempena Ramadan 1420H / 1999".
- <sup>5</sup> Sila lihat "Laporan Tahunan 1994", Majlis Perbandaran Kota Bharu, hlm. 2 -3.
- <sup>6</sup> Temu bual dengan Ustaz Azhar Bin Abdul Satar, pada 7 September 1998, jam 2. 30 petang.
- <sup>7</sup> Pamflet, Maahad Tahfiz Al-Quran Pulau Chondong (MTAQ).
- <sup>8</sup> Ibid.
- <sup>9</sup> Temu bual dengan Ustaz Nazaruddin Bin Jalaluddin, Guru Kanan al -Quran di MTAQ, pada 16 Oktober 1998, jam 1 tengah hari.
- <sup>10</sup> Sila lihat Harakah bertajuk "Pelajar Maahad Tahfiz Imam Solat Tarawih", pada 10 Februari 1995
- <sup>11</sup> Temu bual dengan Ahmad Rizal Bin Abdul Rahman, pelajar tahun akhir di MTAQ, pada 15 Oktober 1998, jam 1.30 petang.
- <sup>12</sup> Lihat buku "Upacara Perasmian Perbukaan Kompleks Balai Islam", pada 1 April 1988 bersamaan 1408H.
- <sup>13</sup> Ibid.
- <sup>14</sup> Laporan Taklimat "Peringatan Mesyuarat Penyelarasan Ramadan 1416H".
- <sup>15</sup> Pamflet Yayasan Islam Kelantan dan buku "Taklimat Ringkasan YIK".
- <sup>16</sup> Temu bual dengan Ustaz Nik Abdul Kadir bin Nik Muhammad, Pegawai Yayasan Islam Kelantan, pada 12 Oktober 1998, jam 10 pagi.
- <sup>17</sup> Muhammad ibn 'Abdullah al-Khatib at-Tibrizi (1985), Misykat al-Masabih, Jld. 1, Cct. 3, Beirut: al-Maktabah al-Islami, hlm. 592.
- <sup>18</sup> Sila lihat kertas kerja "Melancong Ke Kelantan Di Bulan Ramadan, Unit Perancangan Negeri Kelantan bertarikh 12 Disember 1995.
- <sup>19</sup> Ibid.
- <sup>20</sup> Temu bual dengan Encik Sulaiman bin Hj. Ismail, Pengurus Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, pada 12 Oktober 1998, jam 11.30 pagi.